



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	21/7/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	JPNP			

# 610 pokok nadir ditanam di kebun Musang King

Lebih 12,000 tanaman pelbagai spesies sudah ditempatkan di Hutan Simpan Kekal Batu Talam

Oleh Mohd Rafi Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Raub:** Pejabat Pembangunan Hutan (PPH) Pahang Barat menanam 610 pokok nadir spesies tempoi dan sentul di kawasan Hutan Simpan Kekal Batu Talam yang sebelum ini dijadikan kebun du-

rian Musang King secara haram.

Penolong Pengarah PPH Pahang Barat, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Wan Ghazali Wan Ali, berkata selain dua spesies berkenaan pihaknya akan menanam pokok ara yang turut sesuai ditanam di kawasan itu.

Beliau berkata, pokok ara akan ditanam di kawasan lembah dan tepi sumber air kerana ia memerlukan lebih air untuk membesar serta subur dan kini usaha mendapatkan benih pokok itu sedang dilakukan pihaknya.

Katanya, 200 pokok sentul dan 410 pokok tempoi berumur enam bulan hingga setahun sudah ditanam secara berselerak dalam kawasan Hutan Simpan Kekal Batu Talam yang mempunyai

bentuk muka bumi berbukit.

"Saya yakin dua spesies pokok nadir berkenaan mampu hidup subur di kawasan Hutan Simpan Kekal itu yang persekitarannya agak sejuk dan berangin serta tanah subur.

"Difahamkan dalam masa antara 12 hingga 15 tahun akan datang, ia mengeluarkan hasil," katanya, di sini, semalam.

Beliau berkata, pokok nadir ditanam dalam Hutan Simpan Kekal Batu Talam sebagai usaha menjadikan kawasan itu sebagai hutan semula jadi.

Katanya, sebelum ini pihaknya turut menanam pelbagai spesies pokok nadir dalam kawasan bekas lesen pembalakan dan kawasan yang diceroboh di Pahang.

Sementara itu, Wan Ghazali



Kakitangan JPNP menanam pokok sentul di Hutan Simpan Kekal Batu Talam, Raub, semalam.  
(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

berkata, sehingga kelmarin, pihaknya sudah menanam 12,295 daripada sasaran 20,000 pokok pelbagai spesies, termasuk Merawan, Meranti, Balau dan Keruing dalam hutan simpan berkenaan.

"Kita hanya cuti sehari sahaja untuk menyambut Aidiladha hari ini (semalam) dan kerja menanam akan disambung semula

esok (hari ini) memabatkan penyertaan antara 60 hingga 75 kakitangan JPNP dari ada beberapa Pejabat Hutan Daerah.

Hutan Simpan Kekal Batu Talam seluas 101 hektar menjadi lokasi Operasi Pamah bermula 3 Julai lalu selepas ia diceroboh untuk dijadikan kebun durian Musang King, memabatkan lebih 15,000 pokok.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia